

PENGETAHUAN MASYARAKAT ISLAM DI SARAWAK TERHADAP AR-RAHNU
THE KNOWLEDGE OF THE MUSLIM COMMUNITY IN SARAWAK TOWARDS AR-RAHNUHasanuddin Bin Bujang^{1*}, Saimi Bin Bujang²¹ Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), super0m017@gmail.com.² Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Cawangan Sarawak, Malaysia, saimi496@sarawak.uitm.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 10 Oktober 2021

Selepas Pembetulan: 07 November 2021

Diterima untuk terbit: 27 November 2021

Abstrak

Penyelidikan kuantitatif ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat Islam di Sarawak terhadap *ar-Rahnu* dan untuk mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat Islam di Sarawak terhadap *ar-Rahnu* berdasarkan demografi. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata dan melibatkan responden seramai 502 orang serta memiliki ciri-ciri seperti beragama Islam dan menetap atau bekerja di Bahagian Kuching, Samarahan, Sibuan dan Miri. Analisis kajian menggunakan skala pengukuran lima mata Likert kemudiannya dianalisis menggunakan Statistical Product and Services Solution (SPSS) Windows Release 22.0. Kajian ini berjaya mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat Islam di Sarawak terhadap *ar-Rahnu* dengan melihat kepada nilai peratusan, kekerapan, skor min dan sisihan piawai. Kajian mendapati bahawa tahap pengetahuan masyarakat Islam di Sarawak terhadap *ar-Rahnu* berada pada tahap yang sangat baik setelah merekodkan nilai min tertinggi ($M=4.01$) hingga nilai min yang terendah ialah ($M=3.69$). Dapatan kajian melalui prosedur Crosstabs pula menunjukkan bahawa jantina dan latar belakang pendidikan responden kajian mampu memberi kesan terhadap pengetahuan mengenai *ar-Rahnu*. Justeru, berdasarkan hasil dapatan kajian mencadangkan agar kajian lanjut berkaitan dengan pengetahuan dan penerimaan masyarakat yang pelbagai di Sarawak terhadap *ar-Rahnu* hendaklah dilakukan.

Kata kunciPengetahuan, *Ar-Rahnu*, Sarawak, Ekonomi, Islam**Abstract**

This quantitative research was conducted to identify the level of knowledge of the Muslim community in Sarawak on ar-Rahnu and to identify the level of knowledge of the Muslim community in Sarawak on ar-Rahnu based on demographics. This study uses stratified random sampling method and involves a total of 502 respondents as well as having characteristics such as being Muslim and living or working in Kuching, Samarahan, Sibuan and Miri Divisions. The analysis of the study using a five-point Likert measurement scale was then analyzed using Statistical Product and Services Solution (SPSS) Windows Release 22.0. This study successfully describes the level of knowledge of the Muslim community in Sarawak on ar-Rahnu by looking at the percentage values, frequency, mean score and standard deviation. The study found that the level of knowledge of the Muslim community in Sarawak on ar-Rahnu is at a very good level after recording the highest mean value ($M = 4.01$) to the lowest mean value is ($M = 3.69$). The findings

of the study through the Crosstabs procedure showed that the gender and educational background of the study respondents were able to affect the knowledge of *ar-Rahnu*. Therefore, based on the findings of the study suggests that further research related to the knowledge and acceptance of the various communities in Sarawak towards *ar-Rahnu* should be done.

Keywords

Knowledge, *Ar-Rahnu*, Sarawak, Economics, Islam

1.0 Pengenalan

Sistem kewangan Islam di Malaysia semakin berkembang pesat selari dengan perkembangan ekonomi negara. Seiring dengan kepesatan perkembangan sistem kewangan Islam, kini terdapat pelbagai sistem yang relevan telah diperkenalkan dalam muamalat atau kewangan Islam yang dipraktikkan di Malaysia. Allah SWT telah mengharamkan riba dan mengharuskan urusan kewangan yang lain seperti jual beli dan gadaian (Joni Tamkin, 2001; Hussin Salamon, 2009; Ab. Mumin Ab. Ghani, 1999; Sudin Haron, 2008; Umer Chapra, 1990).

Sebelum sistem gadaian Islam diperkenalkan, terdapat sistem gadaian konvensional diamalkan di Malaysia yang banyak diusahakan oleh masyarakat Cina (Azizah Othman, Norashidah Hashim dan Syahrina Abdullah, 2013). Sistem gadaian yang diamalkan pada ketika itu bersifat penindasan terhadap golongan yang susah (Anisah Nasib, 2017) dan tidak menepati hukum syarak. Pada awal kurun ke-19, skim pajak gadai konvensional yang mengenakan riba sehingga dua peratus kepada peminjam mula diperkenalkan (Anisah Nasib, 2017; Azila Abdul Razak, Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin dan Norhanie Mahjom, 2014).

Pengharaman riba menjadi asas kepada sistem kewangan Islam untuk memperkenalkan pajak gadai Islam atau *ar-Rahnu* sebagai alternatif kepada sistem pajak gadai konvensional. Menurut Haron Din, Sulaiman Yasin, Hassan Salleh dan Sidi Ghazalba (1985) Islam tidak melihat perkara kemiskinan merupakan suatu yang baik. Islam tidak meletakkan pengharaman sesuatu perkara tanpa wujudnya alternatif kepada perkara tersebut. Oleh yang demikian, Allah SWT memberikan ilham kepada manusia supaya berinteraksi antara satu sama lain serta untuk saling tolong-menolong dan menerima serta memberikan gadaian (Haron Din et. al., 1985). *Ar-Rahnu* telah disyariatkan berdasarkan dalil daripada al-Quran, as-Sunnah dan juga ijmak ulama (Mustafa al-Khin et. al., 2012). Kesepakatan atau ijmak ini turut dinyatakan oleh Ibn Munzir (1999) sama ada ketika berada dalam keadaan musafir ataupun tidak. Dalil pensyariatkan *ar-Rahnu* terkandung di dalam surah al-Baqarah (2) ayat 283 yang menjelaskan bahawa *ar-Rahnu* telah disyariatkan dan ia ditegakkan atas catatan yang ditulis bagi menguatkan kepercayaan terhadap hutang yang dibuat. Ayat tersebut merupakan satu dalil bagi semua jenis muamalat iaitu segala yang menyentuh tentang jual beli, hutang-piutang, sewa-menyewa dan sebagainya termasuklah juga mengenai pajak gadai Islam atau *ar-Rahnu* (Mustafa al-Khin et. al., 2012; Abdullah Basmeih, 2010).

Pensyariatkan *ar-Rahnu* menerusi as-Sunnah pula merujuk kepada hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Saidatina Aisyah RA bermaksud;

Daripada Aishah RA: Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW pernah membeli makanan dari seorang Yahudi secara hutang, Baginda telah memberikan baju besi sebagai gadaian.

(Riwayat al-Bukhari)

Hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Saidina Anas RA yang bermaksud;

Daripada Anas RA, berkata: Sesungguhnya Nabi SAW telah menggadaikan baju besinya dengan barli, aku telah berjalan menuju kepada Baginda Nabi SAW dengan membawa roti daripada barli dengan sedikit lemak terlarut di atasnya dan aku mendengar Baginda bersabda: "Rumah tangga Muhammad SAW tidak memiliki kecuali satu sa' (dari biji-bijian makanan) untuk makan pagi dan malam walaupun mereka sembilan rumah".

(Riwayat al-Bukhari)

Menurut as-Syaukani (2004), kedua-dua hadis ini merupakan dalil pensyariatian keharusan pajak gadai Islam atau *ar-Rahnu* dan merupakan hujah bahawa muamalat yang berkaitan dengan *ar-Rahnu* adalah diharuskan atau dibenarkan ketika berada dalam keadaan yang tidak bermusafir. Menurut as-Syaukani (2004) lagi, ia merupakan pandangan daripada jumah di kalangan ulama. Berdasarkan kepada dalil-dalil daripada al-Quran dan as-Sunnah, para ulama telah sepakat akan keharusan atau kebenaran muamalat dalam pajak gadai Islam atau *ar-Rahnu*. Kesepakatan para ulama ini merupakan satu ijmak dan ia merupakan satu hujah dan dalil yang diterima dalam sumber hukum Islam sepertimana yang telah disebutkan oleh Ibn munzir (1999) sebelum ini.

Ar-Rahnu merupakan produk muamalat yang hibrid kerana menggabungkan beberapa mekanisme kontrak Islam iaitu al-Qard al-Hasan (pinjaman tanpa faedah), *ar-Rahnu* (cagaran), al-Wadiah (simpanan) dan al-Ujrah (upah simpan) (Azizah Othman, 2015). *Ar-Rahnu* merupakan kemudahan pajak gadai yang memberikan kemudahan tunai dengan kadar segera kepada individu yang memerlukan bantuan kewangan (Nor Fadilah binti Bahari, Shafina bt Fisal, Wan Shahdila Shah bt Shahar dan Hj Tajul Azli bin Shahadan, 2015; Ahmad Mutamimul Ula, 2016). *Ar-Rahnu* turut berperanan untuk memenuhi keperluan umat Islam terhadap perbankan dan kewangan menurut lunas-lunas Islam secara komprehensif. Ia juga dapat menghindari masyarakat terlibat dengan pajak gadai konvensional yang mengenakan faedah atau riba (Anisah Nasib, 2017; Azizah Othman, 2015; Azila Abdul Razak et. al., 2014).

Menurut Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), sejak tahun 1871 pajak gadai telah mula bertapak di Negeri-negeri Selat. Pawnbrokers Ordinance 1871 yang diperkenalkan mengandungi 13 buah enakmen/ordinan/kaedah telah dikuatkuasakan di bawah pentadbiran kerajaan negeri masing-masing. Pada 2 Januari 1973, Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 [Akta 81] telah dikuatkuasakan dan begitu juga dengan Peraturan-peraturan Pemegang Pajak Gadai (Kawalan dan Perlesenan) 2004 yang telah dikuatkuasakan di seluruh negeri dan wilayah persekutuan di Malaysia (Lembaga Hasil Dalam Negeri, 2011). Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di Malaysia adalah dipertanggungjawabkan untuk membuat penyelarasan dan penyeragaman dari sudut urus tadbir pajak gadai (Azila Abdul Razak et. al., 2014).

Pada 23 Januari 1992, pajak gadai Islam pertama di Malaysia telah dilancarkan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) iaitu Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) dan ia turut mendapat perhatian kerajaan negeri Kelantan dengan menubuhkan Permodalan Kelantan Berhad dalam menyediakan perkhidmatan skim *ar-Rahnu* pada tahun yang sama. Manakala koperasi yang pertama ditubuhkan pada Oktober 1993 dalam memberikan dan menyediakan perkhidmatan skim pajak gadai Islam atau *ar-Rahnu* adalah Koperasi Bank Rakyat yang menjalankan usaha sama ini dengan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dengan tujuan untuk mengelakkan serta menghindarkan umat Islam terlibat dalam urus niaga riba (Cheong and Jothee, 2017; Nur Hayati and Ruzian, 2014; Azizah Othman et. al., 2013; Azila Abdul Razak: 2011).

Menurut Nurul Huda (2015), jumlah kedai yang menyediakan perkhidmatan pajak gadai sehingga tahun 2013 di seluruh negeri di Malaysia adalah sebanyak 948 buah yang terdiri daripada pajak gadai konvensional sebanyak 378 buah dan pajak gadai Islam atau *ar-Rahnu* sebanyak 570 buah. Jumlah kedai yang menjalankan pajak gadai di keseluruhan negeri Sarawak adalah sebanyak 18 buah (Saibi Gi, 2014). Jumlah ini tidak termasuk institusi yang menyediakan perkhidmatan pajak gadai Islam atau *ar-Rahnu*.

Sesetengah masyarakat masih belum mengetahui modus operandi perkhidmatan pajak gadai Islam atau *ar-Rahnu* sehingga tidak mampu membezakan antara pajak gadai Islam dengan pajak gadai konvensional terutamanya dalam bab mengenakan bayaran faedah pada pajak gadai secara konvensional dengan bayaran upah bagi pajak gadai Islam (Azila Abdul Razak et. al., 2014). Kajian oleh Azila Abdul Razak et. al. (2014) membuktikan bahawa kebanyakan masyarakat Islam masih tidak dapat membezakan antara pajak gadai secara konvensional dengan pajak gadai Islam atau *ar-Rahnu* kerana kurang kesedaran terhadap penerapan konsep faedah atau riba yang diamalkan dalam pembiayaan konvensional. Selain itu, masyarakat Islam juga kurang memahami serta tidak menyedari bahawa pinjaman yang dipraktikkan di kedai pajak gadai Islam tidak mengenakan riba, tiada unsur gharar dan menerapkan unsur keadilan, kejujuran serta ketelusan kepada pihak-pihak yang terlibat dalam urus niaga gadaian tersebut.

Ningrum dan Wibowo (2019) turut menjalankan satu kajian yang memaparkan bahawa masyarakat Islam masih kurang memahami perihal sistem syariah yang terdapat di skim pajak gadai Islam. Mereka masih tidak mampu untuk membezakan antara pajak gadai yang dijalankan secara konvensional dengan pajak gadai yang dijalankan secara Islam. Sementara itu, kajian oleh Fitri Diana (2017) pula membuktikan pajak gadai Islam atau *ar-Rahnu* adalah masih sama dengan sistem pajak gadai konvensional dari sudut proses pinjaman. Keadaan ini menyebabkan wujudnya persepsi di kalangan masyarakat bahawa tiada perbezaan antara pajak gadai Islam dengan pajak gadai yang dijalankan secara konvensional. Mereka beranggapan bahawa bunga atau faedah yang perlu dibayar dalam urus niaga pajak gadai secara konvensional akan dibayar balik oleh yuran penjagaan harian dalam urus niaga pajak gadai secara Islam dan secara tidak langsung ia menyebabkan penglibatan masyarakat Islam terhadap skim pajak gadai Islam adalah pada tahap yang masih rendah (Fitri Diana, 2017). Perbincangan berkaitan dengan pajak gadai Islam atau *ar-Rahnu* di Sarawak pula telah dilakukan oleh Azizah (2015). Kajian beliau mendapati bahawa pajak gadai Islam atau *ar-Rahnu* masih belum mendapat perhatian daripada masyarakat di negeri Sabah

dan negeri Sarawak. Namun, kajian oleh Azizah (2015) tidak menerangkan secara terperinci dalam memberikan maklumat tentang pajak gadai Islam atau *ar-Rahnu* di Sarawak. Kajian tersebut tidak menyentuh tentang tahap pengetahuan masyarakat Islam di Sarawak terhadap *ar-Rahnu* dan juga tidak menyentuh tentang tahap pengetahuan masyarakat Islam di Sarawak terhadap *ar-Rahnu* berdasarkan demografi. Walaupun perkembangan perbankan dan kewangan Islam di Malaysia bermula secara rasminya dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad pada 1983 (Sudin Haron, 2008; Ab. Mumin Ab. Ghani, 1999) dan secara khususnya penubuhan kedai *ar-Rahnu* yang pertama iaitu Muassasah Gadaian Islam Terengganu (MGIT) pula pada tahun 1992. Namun, sistem kewangan Islam dan ekonomi Islam bukanlah sesuatu yang asing bagi Sarawak. Negeri Sarawak semasa di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei sehinggalah di awal era pemerintahan James Brooke (James Brooke dilantik menjadi Gabenor Sarawak pada 24 September 1841) telahpun mengamalkan sistem perundangan Islam. Hal ini dibuktikan berdasarkan kewujudan Manuskrip Kanun Negeri Banting dan Naskah Lawas (Saimi Bujang, 2020; Sanib Said, 2012; Sanib Said, 1985). Kedua-dua manuskrip ini jelas menunjukkan tentang undang-undang bertulis berkaitan dengan kewangan Islam di Sarawak.

2.0 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

- a. Mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat Islam di Sarawak terhadap *ar-Rahnu*.
- b. Mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat Islam di Sarawak terhadap *ar-Rahnu* berdasarkan demografi.

3.0 Kajian Literatur

Sungguhpun terdapat banyak kajian tentang *ar-Rahnu* telah dijalankan di Malaysia tetapi kajian-kajian tersebut banyak tertumpu di negeri-negeri sebelah Semenanjung Malaysia seperti kajian Nur Haryati Rasmin dan Ruzian Markom (2014), Anisah Nasib (2017), Afiffudin Mohammed Noor, Rusnadewi Abdul Rashid, Rohayati Hussin & Noor Inayah Yaakub (2015), Azila Abdul Razak et. al. (2014) dan Azizah Othman et. al. (2013). Selain itu, terdapat kajian berkaitan dengan kefahaman dan amalan terhadap *ar-Rahnu* seperti kajian yang dijalankan oleh Azizah Othman (2015), Balqis Yaacob @ Salleh (2014), Haslinah Muhamad, Ong Tze San, Maheran Katan dan Soh Wei Ni (2019), Muhamad Azhar Zulkeply (2013), Ahmad Mutamimul Ula (2016) dan Angga Kumala Wihardi (2008). Kebanyakan kajian tersebut dijalankan di sekitar Semenanjung Malaysia dan di Republik Indonesia. Selain itu, terdapat kajian di Brunei Darus Salam seperti yang dijalankan oleh Kentaro Kambara (2017). Hasil dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa *ar-Rahnu* mempunyai peranan dalam membantu usahawan yang menjalankan perniagaan atau perusahaan kecil sederhana (PKS) dengan memberikan bantuan bagi membeli mesin tekstil, membeli bahan-bahan yang penting serta membeli peralatan-peralatan yang digunakan untuk penanaman padi dan pemprosesan.

Kebanyakan kajian yang telah dibuat menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan ketara dalam persepsi pelanggan terhadap *ar-Rahnu* antara masyarakat Islam dan masyarakat bukan Islam. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan yang ketara

dalam persepsi pelanggan terhadap *ar-Rahnu* antara pelanggan *ar-Rahnu* dan bukan pelanggan *ar-Rahnu* (bakal pelanggan).

Berdasarkan tinjauan literatur yang dilakukan, tidak terdapat kajian yang membincangkan secara mendalam atau terperinci berkaitan dengan pajak gadai Islam atau *ar-Rahnu* dalam kalangan masyarakat Islam di Sarawak. Selain itu, kajian yang terperinci berkenaan dengan tahap pengetahuan dalam kalangan masyarakat Islam di Sarawak terhadap *ar-Rahnu* juga tidak pernah dibincangkan secara mendalam oleh mana-mana sarjana atau penyelidik. Keterbatasan kajian atau artikel berkaitan *ar-Rahnu* di Sarawak merupakan lompong akademik yang harus diisi bagi menjelaskan tentang tahap pengetahuan terhadap *ar-Rahnu* dalam kalangan masyarakat Islam di Sarawak.

4.0 Metodologi Kajian

Reka bentuk penyelidikan ini mengadaptasi kaedah tinjauan. Menurut Fink (1995), tujuan kaedah tinjauan adalah bagi mendapatkan maklumat untuk menjelaskan tentang fenomena yang wujud dan sedang berlaku dengan cara menyoal individu tentang persepsi, sikap, tingkah laku atau nilai mereka. Oleh itu, kajian tinjauan boleh memberikan jawapan terhadap masalah berkaitan dengan tahap pengetahuan responden terhadap *ar-Rahnu* dalam masyarakat Islam di Sarawak. Pengumpulan data kuantitatif kajian ini dilaksanakan melalui edaran borang soal selidik yang menggunakan skala lima mata Likert (Likert, 1932). Berdasarkan skala ini, responden dikehendaki memberikan respon lima (5) pilihan pada setiap item soalan, iaitu; sangat tidak setuju, tidak setuju, tidak pasti, setuju dan sangat setuju.

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata, iaitu dengan mengasingkan kesemua unsur bagi sesuatu populasi terlebih dahulu mengikut kumpulan-kumpulan atau berstrata secara rawak (Noraini Idris, 2010; Idris Awang, 2010; Ahmad Mahdzan, 2005; Mohd Majid, 1990), seperti; kawasan bandar, kawasan pinggir bandar dan kawasan luar bandar yang berada di Bahagian Kuching, Bahagian Samarahan, Bahagian Sibu dan Bahagian Miri. Pemilihan persampelan rawak berstrata bagi kajian ini adalah kerana ia mampu untuk menggambarkan dengan lebih tepat tentang ciri-ciri bagi sesebuah populasi (Polit, Beck, dan Hugler, 2001). Seramai 502 orang responden telah terlibat dalam menjawab soal selidik yang memiliki ciri-ciri berikut; pertama, responden yang dipilih adalah seorang Muslim; kedua, sama ada pernah terlibat dengan *ar-Rahnu* atau tidak pernah terlibat secara langsung dengan *ar-Rahnu*; ketiga, responden yang dipilih adalah responden yang menetap atau bekerja di Bahagian Kuching, Samarahan, Sibu dan Miri.

Setiap borang kaji selidik yang dikumpul akan dianalisa dengan menggunakan sistem perisian Statistical Product and Services Solution (SPSS) Windows Release 22.0. Bagi mencapai objektif pertama kajian, penyelidik menggunakan analisis deskriptif. Analisis deskriptif memberikan gambaran berkenaan dengan tahap pengetahuan terhadap *ar-Rahnu* dalam kalangan masyarakat Islam di Sarawak melalui peratusan, kekerapan, skor min dan sisihan piawai (standard deviation) sebagaimana butiran pada Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Analisis Deskriptif

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 1.80	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	Rendah
2.61 – 3.40	Sederhana
3.41 – 4.20	Tinggi
4.21 – 5.00	Sangat Tinggi

Manakala objektif kajian yang kedua pula dicapai dengan menggunakan prosedur Jadual Dua Hala atau Tabulasi Silang (Crosstabs atau Cross Tabulation). Prosedur ini digunakan untuk melihat dan menilai hubungan antara dua pemboleh ubah dalam satu jadual melalui prosedur Statistik non-parametik. Prosedur ini menghasilkan satu bentuk laporan antara dua pemboleh ubah dalam bentuk jadual frekuensi dua hala (two-way) dan pelbagai hala (multi-way) (Noraini Idris, 2010). Jadual dua hala akan memaparkan nilai hubungan antara dua pemboleh ubah dengan hitungan peratusan. Prosedur jadual dua hala untuk maklumat asas responden hanya melibatkan item jantina, pendidikan, pekerjaan. Ketiga-tiga item tersebut kemudiannya dibandingkan dengan tiga item, iaitu; pengetahuan mengenai *ar-Rahnu* diperolehi melalui iklan; terdapat banyak institusi yang menyediakan skim *ar-Rahnu*; dan, skim *ar-Rahnu* adalah sangat bagus.

5.0 Dapatan Kajian

Dapatan kajian dibahagikan kepada tiga, iaitu; demografi, pengetahuan terhadap *ar-Rahnu*; dan, pengetahuan *ar-Rahnu* berdasarkan demografi.

5.1 Demografi

Demografi responden kajian seramai 502 orang dibahagikan kepada jantina, umur, bahagian, tempat menetap, bangsa atau kaum, tahap pendidikan, taraf perkahwinan, jumlah tanggungan, pekerjaan dan jumlah pendapatan sebulan. Dapatan daripada hasil kajian yang dijalankan telah memperlihatkan bahawa responden perempuan dilihat mendominasi responden kajian ini iaitu sebanyak 293 orang (58.4%). Manakala responden lelaki pula adalah seramai 209 (41.6%) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 2 dengan jumlah perbezaan responden perempuan mengatasi responden lelaki adalah seramai 84 orang.

Jadual 2: Latar Belakang Responden Kajian

Latar Belakang Responden	Bilangan	Peratus
Jantina		
Lelaki	209	41.6
Perempuan	293	58.4
Jumlah	502	100.0
Umur		
21 hingga 30 tahun	209	41.6
31 hingga 40 tahun	134	26.7
41 hingga 50 tahun	109	21.7

51 hingga dan ke atas	50	10.0
Jumlah	502	100.0
Bahagian Menetap		
Kuching	130	25.9
Samarahan	118	23.5
Sibu	116	23.1
Miri	138	27.5
Jumlah	502	100.0
Tempat Menetap		
Bandar	229	45.6
Pinggir Bandar	160	31.9
Luar Bandar	113	22.5
Jumlah	502	100.0
Kaum		
Melayu	402	80.1
Melanau	65	12.9
Bidayuh	3	0.6
Jawa	4	0.8
Cina	2	0.4
Bugis	3	0.6
Kedayan	20	4.0
Iban	2	0.4
Suluk	1	0.2
Jumlah	502	100.0
Tahap Pendidikan		
Tidak bersekolah secara formal	2	0.4
LCE / SRP / PMR dan ke bawah	18	3.6
MCE / SPM	173	34.5
STPM / STAM / Diploma	188	37.5
Ijazah Sarjana Muda ke atas	121	24.1
Jumlah	502	100.0%
Taraf Perkahwinan		
Bujang	153	30.5
Kahwin	334	66.5
Duda/Janda	15	3.0
Jumlah	502	100.0%
Jumlah Tanggungan		
Tiada	164	32.7
Satu hingga dua orang	145	28.9
Tiga hingga lima orang	154	30.7

Enam hingga lapan orang	36	7.2
Lebih daripada lapan orang	3	0.6
Jumlah	502	100.0
Pekerjaan		
Kakitangan Kerajaan	96	19.1
Kakitangan Swasta	19	3.8
Peniaga	27	5.4
Bekerja Sendiri	92	18.3
Pelajar	32	6.4
Tidak Bekerja	109	21.7
Surirumah	122	24.3
Petani	3	0.6
Nelayan	2	0.4
Jumlah	502	100.0
Pendapatan Sebulan		
RM0 hingga RM1000	317	63.1
RM1001 hingga RM2000	76	15.1
RM2001 hingga RM3000	20	4.0
RM3001 hingga RM4000	25	5.0
RM4001 hingga RM5000	26	5.2
RM5001 hingga RM6000	27	5.4
Lebih daripada RM6000	11	2.2
Jumlah	502	100.0

Dari perspektif umur pula, kelihatan pelbagai peringkat umur dalam kalangan responden dicatatkan bermula daripada responden yang berumur sekitar 21 tahun sehingga 30 tahun iaitu seramai 209 orang (41.6%) sehinggalah kepada responden yang berumur 51 tahun ke atas iaitu seramai 50 orang (10.0%). Manakala responden yang berumur sekitar 31 tahun hingga 40 tahun pula adalah seramai 134 orang (29.7%). Seterusnya responden yang berumur sekitar 41 tahun hingga 50 tahun pula adalah seramai 109 orang (21.7%) sebagaimana butiran pada Jadual 2.

Jumlah responden merujuk kepada bahagian tempat menetap di Sarawak menunjukkan responden di Bahagian Miri adalah responden yang tertinggi iaitu seramai 138 orang (27.5%) dan diikuti oleh responden di Bahagian Kuching iaitu seramai 130 orang (25.9%). Manakala responden yang berada di Bahagian Samarahan pula adalah seramai 118 orang (23.5%) diikuti responden yang berada di Bahagian Sibul iaitu seramai 116 orang (23.1%). Responden yang menetap di kawasan bandar merupakan responden yang tertinggi dalam kajian ini iaitu seramai 229 orang (45.6%) dan diikuti oleh responden yang menetap di kawasan pinggir bandar iaitu seramai 160 orang (31.9%). Seterusnya responden yang menetap di kawasan luar bandar iaitu seramai 113 orang (22.5%) sebagaimana ditunjukkan pada Jadual 2.

Selain itu, Jadual 2 juga menunjukkan kebanyakan responden adalah dari bangsa atau kaum Melayu iaitu seramai 402 orang (80.1%) kemudian diikuti oleh responden yang berbangsa atau kaum Melanau iaitu seramai 65 orang (12.9%). Seterusnya diikuti oleh responden dari bangsa atau kaum Kedayan iaitu seramai 20 orang (4.0%). Sila rujuk Jadual 2 untuk perincian tentang bangsa atau kaum dalam kalangan responden kajian.

Kebanyakan responden kajian mempunyai latar belakang akademik di peringkat STPM/STAM/Diploma iaitu seramai 183 orang (37.5%) diikuti oleh responden yang memiliki latar belakang akademik di peringkat MCE/SPM iaitu seramai 173 orang (34.5%). Seterusnya ialah responden yang mempunyai latar belakang akademik di peringkat Ijazah Sarjana Muda ke atas iaitu seramai 121 orang (24.1%). Responden yang mempunyai kelayakan akademik di peringkat LCE/SRP/PMR dan ke bawah pula adalah seramai 18 orang (3.6%), kemudiannya seramai dua orang (0.4%) responden tidak bersekolah secara formal seperti yang dinyatakan pada Jadual 2. Manakala berdasarkan Jadual 2 juga, majoriti responden kajian adalah terdiri daripada mereka yang berkahwin iaitu seramai 334 orang (66.5%) dan responden yang masih bujang adalah seramai 153 orang (30.5%) dan seterusnya responden berstatus duda atau janda seramai 15 orang (3.0%).

Manakala dari persektif jumlah tanggungan, jumlah responden yang belum mempunyai tanggungan adalah yang tertinggi dicatatkan iaitu seramai 164 orang (32.7%) dan diikuti oleh responden yang mempunyai jumlah tanggungan sebanyak tiga hingga lima orang iaitu seramai 154 orang (30.7%). Bagi responden yang mempunyai jumlah tanggungan sebanyak seorang hingga dua orang pula adalah seramai 145 orang (28.9%) sebagaimana maklumat yang terdapat dalam Jadual 2.

Jadual 2 turut menunjukkan status pekerjaan responden kajian. Jadual tersebut memaparkan bahawa kebanyakan responden didominasi oleh surirumah iaitu seramai 122 orang (24.3%) dan diikuti oleh responden yang tidak bekerja iaitu seramai 109 orang (21.7%). Seterusnya, diikuti pula responden yang terdiri daripada kakitangan kerajaan iaitu seramai 96 orang (19.1%). Manakala responden yang bekerja sebagai petani hanya seramai tiga orang (0.6%) sahaja yang dicatatkan dan responden yang bekerja sebagai nelayan mencatatkan seramai dua orang (0.4%) sahaja.

Bagi jumlah pendapatan sebulan dalam kalangan responden kajian pula, responden yang mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM0 hingga RM1000 mendominasi iaitu seramai 317 orang (63.1%) dengan diikuti oleh responden yang mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM1001 hingga RM2000 iaitu seramai 79 orang (15.1%). Kemudian diikuti pula oleh responden yang mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM5001 hingga RM6000 iaitu seramai 27 orang (5.4%). Seterusnya diikuti oleh responden yang mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM4001 hingga RM5000 iaitu seramai 26 orang (5.2%) serta diikuti oleh responden yang mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM3001 hingga RM4000 iaitu seramai 25 orang (5.0%). Manakala responden yang mempunyai jumlah pendapatan yang melebihi daripada RM6000 hanya seramai 11 orang (2.2%). Untuk selebihnya perincian bagi jumlah pendapatan responden sila rujuk pada Jadual 2.

5.2 Pengetahuan Terhadap *Ar-Rahnu*

Nilai min turut digunakan bagi mengukur tahap pengetahuan masyarakat Islam di Sarawak terhadap *ar-Rahnu* yang diperolehi berdasarkan lima item soalan, iaitu;

pengetahuan mengenai *ar-Rahnu* diperolehi melalui iklan; terdapat banyak institusi yang menyediakan skim *ar-Rahnu*; *pamphlet* (risalah) dari pihak *ar-Rahnu* memberikan maklumat yang mencukupi; skim *ar-Rahnu* adalah sangat bagus dan kakitangan skim *ar-Rahnu* berpengetahuan dan cekap. Kesemua lima item ini dimasukkan dalam sistem perisian komputer SPSS V22.

Berdasarkan Jadual 3, nilai min yang tertinggi dicatatkan ialah (M=4.01) dan nilai min yang terendah ialah (M=3.69). Keadaan ini menunjukkan tahap pengetahuan terhadap *ar-Rahnu* dalam kalangan masyarakat Islam di Sarawak berada pada tahap yang tinggi. Item skim *ar-Rahnu* adalah sangat bagus (M=4.01, SD=0.679) merupakan item paling menonjol berbanding dengan item-item yang lain. Manakala item *pamphlet* (risalah) dari pihak *ar-Rahnu* memberikan maklumat yang mencukupi (M=3.69, SD=0.720) mencatatkan nilai yang paling rendah berbanding dengan item-item yang lain. Sungguhpun demikian, nilai skor min bagi item tersebut masih berada di atas paras melebihi nilai tinggi (3.41 - 4.20). Dalam pada itu, item-item lain mencatatkan skor min sekitar (M=3.88, SD=0.692) hingga (M=3.84, SD=0.686) sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3: Skor Min Tahap Pengetahuan Terhadap *ar-Rahnu* di Sarawak

Item	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
C1 Pengetahuan mengenai <i>ar-Rahnu</i> diperolehi melalui iklan.	3.88	0.692	Tinggi
C2 Saya tahu terdapat banyak institusi yang menyediakan skim <i>ar-Rahnu</i> .	3.84	0.686	Tinggi
C3 <i>Pamphlet</i> (risalah) dari pihak <i>ar-Rahnu</i> memberikan maklumat yang mencukupi.	3.69	0.720	Tinggi
C4 Saya tahu skim <i>ar-Rahnu</i> adalah sangat bagus.	4.01	0.679	Tinggi
C5 Kakitangan skim <i>ar-Rahnu</i> berpengetahuan dan cekap.	3.85	0.729	Tinggi

Berdasarkan dapatan ini, ia memberikan gambaran bahawa tahap pengetahuan terhadap *ar-Rahnu* di kalangan responden (n=502) yang terdiri daripada masyarakat Islam di Sarawak berada dalam keadaan yang baik. Bagi menghuraikan hasil dapatan ini secara terperinci, analisis statistik deskriptif dijalankan untuk melihat kekerapan dan peratusan, skor min dan juga sisihan piawai sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Analisis Kekerapan Tahap Pengetahuan Terhadap *ar-Rahnu* di Sarawak

Kod Item	Item	Kekerapan dan Peratus (N=175)					Min	SP
		STS	TS	TP	S	SS		
C1	Pengetahuan melalui iklan	2 0.4%	13 2.6%	102 20.3%	310 61.8%	75 14.9%	3.88	0.692
C2	Banyak institusi menyediakan skim <i>ar-</i>	0 0.0%	3 0.6%	154 30.7%	263 52.5%	82 16.3%	3.84	0.686

<i>Rahnu</i>								
C3	<i>Pamphlet</i>	0	14	190	236	62	3.69	0.720
	berikan maklumat mencukupi	0.0%	2.8%	37.8%	47.0%	12.4%		
C4	Skim <i>ar-Rahnu</i>	0	1	110	274	117	4.01	0.679
	sangat bagus	0.0%	0.2%	21.9%	54.6%	23.3%		
C5	Kakitangan <i>ar-Rahnu</i>	0	4	165	236	97	3.85	0.729
	tahu dan cekap	0.0%	0.8%	32.9%	47.0%	19.3%		

Jadual 4 menunjukkan aspek pengetahuan terhadap *ar-Rahnu*, hasil dapatan analisis deskriptif yang telah dijalankan menunjukkan tahap pengetahuan terhadap *ar-Rahnu* responden kajian dalam kalangan masyarakat Islam di Sarawak berada pada tahap yang baik apabila item pengetahuan skim *ar-Rahnu* sangat bagus (M=4.01, SD=0.679) mencatatkan skor min yang tinggi. Seramai 391 orang (77.9%) responden menyatakan persetujuan terhadap pernyataan skim *ar-Rahnu* sangat bagus. Manakala item *pamphlet* (risalah) dari pihak *ar-Rahnu* memberikan maklumat yang mencukupi mencatatkan skor min yang paling rendah iaitu (M=3.69, SD=0.720). Seramai 298 orang (59.4%) responden menyatakan persetujuan terhadap pernyataan *pamphlet* (risalah) dari pihak *ar-Rahnu* memberikan maklumat yang mencukupi. Kemudiannya, seramai 385 orang (76.7%) responden (M=3.88, SD=0.692) menyatakan bahawa pengetahuan mereka mengenai skim *ar-Rahnu* diperolehi melalui iklan. Item ini mencatatkan nilai skor min yang kedua tertinggi setelah pernyataan pengetahuan skim *ar-Rahnu* sangat bagus.

Bagi item kakitangan skim *ar-Rahnu* berpengetahuan dan cekap pula mencatatkan seramai 333 orang (66.3%) responden kajian (M=3.85, SD=0.729) menyatakan persetujuan mereka terhadap item tersebut dan ia merupakan nilai skor min ketiga tertinggi. Kemudiannya, seramai 345 orang (68.8%) responden (M=3.84, SD=0.686) pula menyatakan bahawa mereka tahu terdapat banyak institusi yang menyediakan perkhidmatan skim *ar-Rahnu*.

Berdasarkan dapatan analisis yang dilakukan bagi mengenal pasti tahap pengetahuan terhadap *ar-Rahnu* dalam kalangan masyarakat Islam di Sarawak menunjukkan bahawa pengetahuan mereka terhadap *ar-Rahnu* adalah berada pada keadaan yang tinggi dan baik. Hasilnya, mereka menyedari bahawa terdapatnya perkhidmatan skim *ar-Rahnu* yang wujud dipersekitaran mereka.

5.3 Pengetahuan *Ar-Rahnu* Berdasarkan Demografi

Selain menggunakan analisis statistik deskriptif, kajian ini kemudiannya memperincikan lagi tahap pengetahuan masyarakat Islam di Sarawak terhadap *ar-Rahnu* melalui Prosedur Crosstabs. Prosedur Jadual Dua Hala atau Tabulasi Silang digunakan untuk menilai hubungan antara dua pemboleh ubah dalam satu jadual melalui. Analisis

Jadual Dua Hala (Crosstabs) dibahagikan kepada dua, iaitu; pengetahuan *ar-Rahnu* berdasarkan jantina; dan, pengetahuan *ar-Rahnu* berdasarkan pendidikan.

Jadual 5: Jadual Dua Hala (*Crosstabs*) Berdasarkan Jantina

Item	Jantina	Kekerapan dan Peratus (N=175)					Peratus
		STS	TS	TP	S	SS	
Pengetahuan mengenai <i>ar-Rahnu</i> diperolehi melalui iklan	Lelaki	1 0.2%	7 1.4%	51 10.2%	122 24.3%	28 5.6%	209 41.6%
	Perempuan	1 0.2%	6 1.2%	51 10.2%	188 37.5%	47 9.4%	293 58.4%
<i>Jumlah</i>		2 0.4%	13 2.6%	102 20.3%	310 61.8%	75 14.9%	502 100%
Terdapat banyak institusi yang menyediakan skim <i>ar-Rahnu</i>	Lelaki	0 0.0%	2 0.4%	68 13.5%	102 20.3%	37 7.4%	209 41.6%
	Perempuan	0 0.0%	1 0.2%	86 17.1%	161 32.1%	45 9.0%	293 58.4%
<i>Jumlah</i>		0 0.0%	3 0.6%	154 30.7%	263 52.4%	82 16.3%	502 100%
Skim <i>ar-Rahnu</i> adalah sangat bagus	Lelaki	0 0.0%	1 0.2%	48 9.6%	116 23.1%	44 8.8%	209 41.6%
	Perempuan	0 0.0%	0 0.0%	62 12.4%	158 31.5%	73 14.5%	293 58.4%
<i>Jumlah</i>		0 0.0%	1 0.2%	110 21.9%	274 54.6%	117 23.3%	502 100%

5.4 Pengetahuan *Ar-Rahnu* Berdasarkan Jantina

Jadual 5 menunjukkan seramai 150 (29.9%) orang responden kajian lelaki bersetuju dengan pernyataan bahawa maklumat berkaitan dengan *ar-Rahnu* diperolehi melalui iklan berbanding seramai 235 (46.9%) responden kajian perempuan yang menyatakan bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala seramai 51 (10.2%) responden kajian lelaki tidak pasti dan lapan (8) orang (1.6%) menyatakan tidak setuju mengenai maklumat berkaitan dengan *ar-Rahnu* diperolehi melalui iklan berbanding dengan 51 (10.2%) orang responden perempuan yang tidak pasti dan tujuh (7) (1.4%) tidak setuju dengan pernyataan tersebut.

Manakala seramai 206 (41.1%) orang responden perempuan bersetuju dengan pernyataan terdapat banyak institusi yang menyediakan skim *ar-Rahnu* berbanding seramai 139 (27.7%) responden lelaki bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 86 (17.1%) responden perempuan tidak pasti dan seorang (0.2%) tidak bersetuju mengenai terdapat banyak institusi yang menyediakan skim *ar-Rahnu* berbanding

seramai 68 (13.5%) orang lelaki tidak pasti dan dua (0.4%) orang lelaki tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Jadual 5 turut memaparkan bahawa seramai 231 (46%) orang perempuan menyatakan bahawa skim *ar-Rahnu* sangat baik berbanding dengan lelaki seramai 160 (31.9%) orang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Seramai 62 (12.4%) orang perempuan menyatakan tidak pasti bahawa skim *ar-Rahnu* sangat baik berbanding dengan lelaki seramai 48 (9.6%) orang tidak pasti dengan pernyataan tersebut dan seorang (0.2%) tidak bersetuju. Dapatan kajian yang dipaparkan dalam Jadual 5 menggambarkan seolah-olah responden perempuan lebih peka dan mengetahui tentang *ar-Rahnu* berbanding dengan responden lelaki.

Jadual 6: Dua Hala (*Crosstabs*) Berdasarkan Pendidikan

Item	Pendidikan	Kekerapan dan Peratus (N=175)					Peratus
		STS	TS	TP	S	SS	
Pengetahuan mengenai <i>ar-Rahnu</i> diperolehi melalui iklan	Tidak bersekolah secara formal	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	2 0.4%	0 0.0%	2 0.4%
	LCE / SRP / PMR dan ke bawah	0 0.0%	0 0.0%	3 0.6%	13 2.6%	2 0.4%	18 3.6%
	MCE / SPM	0 0.0%	3 0.6%	33 6.6%	111 22.1%	26 5.2%	173 34.5%
	STPM / STAM / Diploma	1 0.2%	6 1.2%	45 9.0%	106 21.1%	30 6.0%	188 37.5%
	Ijazah Sarjana Muda ke atas	1 0.2%	4 0.8%	21 4.2%	78 15.5%	17 3.4%	121 24.1%
	Jumlah		2 0.4%	13 2.6%	102 20.3%	310 61.8%	75 14.9%
Terdapat banyak institusi yang menyediakan skim <i>ar-Rahnu</i>	Tidak bersekolah secara formal	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	2 0.4%	0 0.0%	2 0.4%
	LCE / SRP / PMR dan ke bawah	0 0.0%	0 0.0%	7 1.4%	10 2.0%	1 0.2%	18 3.6%
	MCE / SPM	0 0.0%	0 0.0%	58 11.6%	89 17.7%	26 5.2%	173 34.5%
	STPM / STAM / Diploma	0 0.0%	3 0.6%	63 12.5%	92 18.3%	30 6.0%	188 37.5%
	Ijazah Sarjana Muda ke	0 0.0%	0 0.0%	26 5.2%	70 13.9%	25 5.0%	121 24.1%

		atas					
<i>Jumlah</i>		0 0.0%	3 0.6%	154 30.7%	263 52.4%	82 16.3%	502 100%
Skim <i>ar-Rahnu</i> adalah sangat bagus	Tidak bersekolah secara formal	0 0.0%	0 0.0%	0 0.0%	1 0.2%	1 0.2%	2 0.4%
	LCE / SRP / PMR dan ke bawah	0 0.0%	0 0.0%	2 0.4%	15 3.0%	1 0.2%	18 3.6%
	MCE / SPM	0 0.0%	0 0.0%	35 7.0%	95 18.9%	43 8.6%	173 34.5%
	STPM / STAM / Diploma	0 0.0%	1 0.2%	52 10.4%	95 18.9%	40 8.0%	188 37.5%
	Ijazah Sarjana Muda ke atas	0 0.0%	0 0.0%	21 4.2%	68 13.5%	32 6.4%	121 24.1%
	<i>Jumlah</i>	0 0.0%	1 0.2%	110 21.9%	274 54.6%	117 23.3%	502 100%

5.5 Pengetahuan *Ar-Rahnu* Berdasarkan Pendidikan

Seramai 137 (27.3%) orang responden berpendidikan MCE / SPM dan seramai 136 (27.1%) responden berpendidikan STPM / STAM / Diploma serta 95 (19.0%) berpendidikan Ijazah Sarjana Muda ke atas bersetuju dengan pernyataan maklumat mengenai *ar-Rahnu* diperolehi melalui iklan. Berbanding dengan responden tidak bersekolah secara formal merekodkan seramai dua (0.4%) dan responden berpendidikan LCE / SRP / PMR dan ke bawah merekodkan 15 (3.0%) bersetuju dengan maklumat mengenai *ar-Rahnu* diperolehi melalui iklan. Manakala seramai tujuh (1.4%) orang responden berpendidikan STPM / STAM / Diploma dan seramai lima (1.0%) orang responden berpendidikan Ijazah Sarjana Muda ke atas serta seramai tiga (0.6%) orang responden berpendidikan MCE / SPM menyatakan tidak bersetuju dengan pernyataan maklumat mengenai *ar-Rahnu* diperolehi melalui iklan berbanding dengan responden kajian yang lain sebagaimana butiran yang terdapat pada Jadual 6.

Jadual 6 turut memaparkan seramai 122 (24.3%) orang berpendidikan STPM / STAM / Diploma dan seramai 115 (22.9%) orang berpendidikan MCE / SPM bersetuju bahawa terdapat banyak institusi yang menyediakan skim *ar-Rahnu* berbanding responden yang mempunyai kelayakan pendidikan yang lain. Selain itu, dapatan analisis Prosedur Crosstabs turut menunjukkan bahawa ramai responden yang mempunyai kelayakan pendidikan perlbagai daripada Ijazah Sarjana Muda hingga LCE / SRP / PMR menyatakan tidak pasti tentang kewujudan banyak institusi yang menawarkan *ar-Rahnu*.

Responden berpendidikan MCE / SPM seramai 138 (27.49%) orang, responden berpendidikan STPM / STAM / Diploma seramai 135 (26.9%) orang dan responden berpendidikan Ijazah Sarjana Muda ke atas seramai 100 (19.9%) orang yang bersetuju dengan pernyataan bahawa skim *ar-Rahnu* adalah sangat bagus. Berbanding hanya seramai 16 (3.2%) orang responden berpendidikan LCE / SRP / PMR dan ke bawah serta seramai dua (0.4%) orang responden tidak bersekolah secara formal yang menyatakan persetujuan terhadap pernyataan tersebut. Sementara itu, seramai 52 (10.4%) responden berpendidikan STPM / STAM / Diploma tidak pasti dengan pernyataan bahawa skim *ar-Rahnu* adalah baik berbanding dengan 35 (7.0%) orang responden berpendidikan MCE / SPM dan 21 (4.2%) orang berpendidikan Ijazah Sarjana Muda ke atas.

Secara tidak langsung, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa latar belakang pendidikan responden kajian mampu mempengaruhi pengetahuan terhadap *ar-Rahnu*. Dapatan analisis Prosedur Crosstabs menunjukkan bahawa maklumat berkaitan dengan *ar-Rahnu* diperolehi melalui iklan mempunyai perbezaan dalam kalangan latar belakang pendidikan responden kajian. Dapatan ini juga menjelaskan bahawa pendidikan turut memberi kesan terhadap pengetahuan kewujudan institusi yang menyediakan perkhidmatan *ar-Rahnu*. Latar belakang pendidikan dalam kalangan responden turut menunjukkan pendapat yang beza terhadap kebaikan skim *ar-Rahnu*.

6.0 Rumusan Kajian

Ar-Rahnu merupakan sistem pajak gadai yang dibenarkan oleh Islam merupakan alternatif kepada sistem pajak gadai konvensional. *Ar-Rahnu* ialah produk muamalat yang menggabungkan al-Qard al-Hasan, *ar-Rahnu*, al-Wadiah dan al-Ujrah merupakan kemudahan pajak gadai yang memberikan kemudahan tunai dengan kadar segera kepada individu yang memerlukan bantuan kewangan. Kajian ini berjaya mengenal pasti tahap pengetahuan masyarakat Islam di Sarawak terhadap *ar-Rahnu* berdasarkan demografi. Dapatan kajian ini memberikan gambaran bahawa tahap pengetahuan terhadap *ar-Rahnu* dalam kalangan responden kajian seramai 502 orang yang terdiri daripada masyarakat Islam di Sarawak berada pada tahap yang baik dan tinggi. Menurut Fitrinani Nasir (2018), pengetahuan yang tinggi terhadap *ar-Rahnu* akan mampu menarik minat masyarakat untuk menggunakan perkhidmatan *ar-Rahnu*. Kenyataan ini selari dengan hasil dapatan kajian yang dibuat oleh Siswanti (2015). Dapatan kajian terhadap lima item yang dikemukakan menunjukkan nilai min yang tinggi ($M=4.01$) hingga nilai min yang terendah ialah ($M=3.69$). Hasilnya, mereka menyedari bahawa terdapat perkhidmatan skim *ar-Rahnu* yang wujud dipersekitaran mereka. Dapatan kajian yang dilakukan melalui prosedur Crosstabs pula menggambarkan seolah-olah responden perempuan lebih peka dan mengetahui tentang *ar-Rahnu* berbanding dengan responden lelaki. Dapatan kajian melalui prosedur Crosstabs turut menunjukkan bahawa pendidikan responden kajian mampu memberi kesan terhadap pengetahuan mengenai *ar-Rahnu*. Maklumat berkaitan dengan *ar-Rahnu* diperolehi melalui iklan mempunyai perbezaan yang ketara dalam kalangan responden yang mempunyai latar belakang pendidikan berbeza. Dapatan ini juga memaparkan perbezaan dalam kalangan responden kajian berdasarkan pendidikan terhadap pernyataan terdapat banyak institusi yang menyediakan skim *ar-Rahnu*. Latar belakang pendidikan dalam kalangan responden turut menunjukkan pendapat yang beza terhadap pernyataan skim *ar-Rahnu* sangat bagus. Justeru itu, kajian ini mencadangkan agar kajian lanjut berkaitan dengan pengetahuan dan

penerimaan masyarakat yang perlbagai di Sarawak terhadap *ar-Rahnu* hendaklah dilakukan.

Rujukan

- Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Abi Abdullah Muhammad bin Ismail al-Bukhari (2001), *Sahih al-Bukhari*, "Kitab ar-Rahn", no. Hadis: 2509, Beirut-Lebanon: Dar Ihya' at-Turath al-Arabi
- Abu Bakar dan Nur Asilah (2018), *Perception of customer satisfaction on Al-Rahn Yapiem servicing in Kuantan, Pahang*.
- Afiffudin Mohammed Noor, Rusnadewi Abdul Rashid, Rohayati Hussin & Prof. Dr. Noor Inayah Binti Yaakub (2015), *Aplikasi Konsep Pajak Dalam Pembangunan Tanah Wakaf Di Negeri Kedah Darul Aman*.
- Ahmad Mahdzan Ayob (2005), *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ahmad Mutamimul Ula (2016), *Tingkat Kepuasan Nasabah Terhadap Pelayanan Dan Produk Pembiayaan Mikro Di Pegadaian Syariah*. Tesis Ijazah Sarjana, Fakultas Syariah Dan Hukum Uin Syarif Hidayatullah Jakarta.
- Angga Kumala Wihardi (2008), *Analisis Atribut-Atribut Yang Mempengaruhi Permintaan Konsumen Terhadap Pembelian Jasa pegadaian Syariah*.
- Anisah Binti Nasib (2017), *Konsep Dan Pelaksanaan Upah Simpan Dalam Skim Ar-Rahnu Di Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia*. Disertasi Doktor Falsafah, Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Asiah Alkharib Shah dan Salmy Edawati Yaacob (2018), Cabaran dan Alternatif Penyelesaian bagi Penyedia Perkhidmatan Ar-Rahnu di Malaysia. *UMRAN – International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, Vol. 5, No. 1., hlm. 31–43
- Azila Abdul Razak (2011), *Economic and Religious Significance of the Islamic and Conventional Pawnbroking in Malaysia: Behavioural and Perception Analysis*. United Kingdom: Durham E-Thesis.
- Azila Abdul Razak, Fidlizan Muhammad, Mohd Yahya Mohd Hussin & Norhanie Mahjom (2014), Kemapanan Dan Daya Saing Pajak Gadai Islam Di Malaysia. *Prosiding PERKEM* ix, 551-60.
- Azizah Binti Othman (2015), *Pelaksanaan Al-Rahnu Di Institusi Perbankan Dan Bukan Perbankan Di Malaysia*. Ijazah Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Azizah Othman, Norashidah Hashim dan Syahrina Abdullah (2013), *Perkembangan Ar-Rahnu Di Terengganu: Kajian Kes Terhadap Ar-Rahnu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu* (Maidam), Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia, *Prosiding Perkem* viii, 951-59.
- Azuan Jemat & Arba'iyah Mohd Noor. (2019) Menyoroti Kewujudan Kerajaan Melayu Banting Berdasarkan Beberapa Manuskrip Banting. *Jurnal Persatuan Muzium Negara*, Bil. 38, 2019.
- Azuan Jemat (2018), Negeri Banting Abad Ke-17: Hak Adat Melayu Sarawak di Lembah Batang Lupar dan Sungai Lingga. *Seminar Hak Adat Bumiputera Melayu Sarawak*. Ikatan Graduan Melayu Sarawak (IGMS).
- Bailey, K.D. (1984), *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Hashim Awang (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

- Balqis Yaacob @ Salleh (2014), *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesedaran Usahawan Kecil Muslim Terhadap Skim ar-Rahnu (Pajak Gadaai Islam)*. (Doctoral Dissertation, Universiti Utara Malaysia).
- Bernadib, I. (1982), *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan*. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP.
- Calvin W. H. Cheong and Jothee Sinnakkannu (2017), Ar-Rahnu: Opportunities and Challenges in Malaysia. *SSRN Electronic Journal*. Laman Sesawang: <https://www.researchgate.net/publication>.
- Cambridge Dictionary (2021), *Dectionaries: English Definitions*. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/practice>.
- Faakihin, N., & Hassan, R. (2018), Gap Analysis Between the Rahn Exposure Draft by Bank Negara Malaysia and Rahn Practice in Islamic Pawn Broking Institutions. *Journal of Islamic Finance*, 7(2), 061-069.
- Fink, A. (1995), *How to Sample Survey*. London: Sage Publication.
- Fitri Diana (2017), *Studi Komparasi Strategi Promosi Produk Gadaai Emas Pada Pegadaian Konvensional Dan Pegadaian Syariah*. [Skripsi] (Doctoral Dissertation, Uin Raden Fatah Palembang).
- Haslinah Muhamad, Ong Tze San, Maheran Binti Hj Katan dan Soh Wei Ni (2019), Factors That Influence The Customers' Perception Towards Ar-Rahnu (Islamic Pawn Broking Product) In Selangor, Malaysia. *International Journal Of Academic Research In Accounting, Finance And Management Sciences*, 9(2), 126-137.
- Hussin Salamon (2009). *Perkembangan Pasaran Modal Islam Dalam Pembangunan Ekonomi Negara*. *Sains Humanika*, 50(1).
- Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajian Islam*. Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn. Bhd.
- Joni Tamkin Borhan (2001), *Sistem Perbankan Islam di Malaysia: Sejarah Perkembangan, Prinsip dan Amalannya*. *Jurnal Usuluddin*, 14, 137-164.
- Kentaro Kambara (2017), Economics Of Ar-Rahnu (Islamic Pawnbroking): Issues And Cases In Brunei Darussalam. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*, 87, 96.
- Likert, R. (1932), A Technique for the Measurement of Attitudes. *Archives of Psychology*, 140. pp. 1-55.
- M Umer Chapra, M.U. (1990), *Ke Arah Sistem Kewangan Islam Yang Adil*. Ismail Omar (terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohammed Azlan Mis (2012), *Medium Perantara Pelbagai Suku Kaum Di Sarawak: Kajian Lingua Franca*. *Gema Online® Journal Of Language Studies*, 12(3).
- Mohd Majid Konting (1990), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Sharif Baharuddin (2002), Enhancing Ah-Rahnu Scheme Globally. *International Ar-Rahnu Convention*, Institut Penyelidikan Dan Perundingan YPEIM.
- Mohd Yahya Mohd Hussin, Muhamad Azhar Zulkeply, Azila Abdul Razak & Fidlizan Muhammad (2016), *Marketing Mixed Strategy And Its Relationship In Islamic Pawning Products Selection At Ar-Rahnu Yapeim*. *International Journal Of Academic Research In Business And Social Sciences*, 6(11), 175-190.
- Muhamad Azhar Bin Zulkeply (2013), *Strategi Campuran Pemasaran Dan Hubungannya Dalam Pemilihan Produk Gadaian Islam Ar-Rahnu Yapeim*. (Doctoral Dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).

- Nasir, F. (2019). *Pengaruh Promosi, Pengetahuan Dan Kualitas Pelayanan Terhadap Minat Nasabah Menggunakan Jasa Rahn Pada Kantor Pt Pegadaian Syariah Pasar Baru Bantaeng* (Doctoral dissertation).
- Nadhirotul Ulbab (2016), *Strategi Pemasaran Produk-Produk Gadai Syariah Dalam Meningkatkan Jumlah Nasabah (Studi Kasus Di Pegadaian Syariah Cabang Majapahit Semarang)* (Doctoral Dissertation, Uin Walisongo).
- Nor Fadilah binti Bahari, Shafina bt Faisal, Wan Shahdila Shah bt Shahar dan Hj Tajul Azli bin Shahadan (2015), *The Development Of Islamic Pawnbroking In Malaysia, Application And Its Challenges. In International Conference on Economics and Banking (iceb-15)*. Atlantis Press
- Noraini Idris (2010), *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Nur Haryati Rasmin and Ruzian Markom (2014), An Overview on Implementation of Ar-Rahnu in Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9)*.,
- Nurul Huda Binti MD. Yusuff (2015), *Kepatuhan Proses Gadaian Dalam Sistem ar-Rahnu Di Malaysia*. Disertasi Doktor Falsafah, Univeristi Pendidikan Sultan Idris.
- Polit, D.F., Beck, C.T., & Hugler, B.P. (2001), *Essentials Of Nursing Research: Method, Appraised And Utilization (5th ed.)*, Philadelphia: Lippincot Williams & Wilkins.
- Pusat Rujukan Persuratan Melayu (2021), *Definisi Amalan*. Di laman sesawang; <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=amalan>. Kamus Dewan Edisi Keempat, Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Saibi Gi (2014), The Borneo Post Online (2014, January 25), *Kedai Emas Bukannya Pajak Gadai*. Dimuat turun pada 25 Februari 2020 daripada laman sesawang: <https://www.theborneopost.com/2014/01/25/kedai-emas-bukannya-pajak-gadai>.
- Saimi bin Bujang (2015), *Aplikasi Pendekatan Pemasaran Tempat Ke Atas Institusi Masjid*, Tesis Phd, Fakulti Ekonomi Dan Perniagaan, Universiti Malaysia Sarawak.
- Saimi Bujang (2020), Tinjauan Awal Terhadap Kedatangan Islam di Sarawak. *Islam Di Nusantara: Pemerintahan, Ekonomi Dan Pendidikan*. Samarahan: Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Islam Borneo (PPIB), UiTM Cawangan Sarawak.
- Salimah Yahaya & Siti Syuhadah Mohamad (2019), *Factors Influence the acceptance of Al-Rahn among entrepreneurs. Academy of Entrepreneurship Journal*.
- Sanib Said (1985), *Malay Politics in Sarawak 1946-1966: The Search for Unity and Political Ascendancy*. Singapore: Oxford University Press.
- Sanib Said (2012), Sejarah Awal Kepulauan Melayu: Lima Buah Negeri Warisan Sarawak yang Hilang. *CREAM - Current Research in Malaysia*, Vol. 1, No. 1.
- Sarantakos, S. (1998), *Social Research*. 2nd ed. London: Mac Millan Press Ltd.
- Siswati, Indra. (2015), *Pengaruh Pengetahuan, Agama, Iklan/Informasi, Dan Pengalaman Mahasiswa Pai Stain Salatiga Tentang Sistem Perbankan Syariah Terhadap Ninat Menabung Di Bank Syariah*. Skripsi. IAIN Salatiga.
- Sudin Haron (2008), *Sistem Kewangan dan Perbankan Islam*. Kuala Lumpur: Business School.